



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN



GARIS PANDUAN PAPAN TANDA KESELAMATAN DI KAWASAN AKTIVITI AIR



MAJLIS KESELAMATAN AKTIVITI AIR (MCAA)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

JANUARI 2024



PRAKATA

Garis panduan ini dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) dan ianya merupakan satu dokumen yang disediakan untuk memberikan panduan dan rujukan kepada semua pemilik ataupun pengendali badan air bagi memasang papan tanda keselamatan di badan-badan air di bawah tanggungjawab masing-masing. Keutamaan garis panduan ini adalah untuk kawasan rekreasi.

Keperluan pembangunan garis panduan ini adalah berdasarkan kepada peningkatan bilangan kes kematian akibat kelemasan dan kemalangan yang berlaku melibatkan aktiviti air. Oleh yang demikian, satu garis panduan bagi pemasangan papan tanda di kawasan aktiviti air yang standard dibangunkan untuk mengurangkan risiko berkenaan.

Garis panduan ini merangkumi aspek pemasangan papan tanda dan spesifikasi pemasangan papan tanda tersebut. Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini boleh diajukan kepada:

**Jabatan Kerajaan Tempatan,
Aras 26-29, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA
(u.p. : Bahagian Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum)**

Laman web : <http://www.kpkt.gov.my> atau <http://www.jkt.kpkt.gov.my>

Telefon : 03-88913330

Faks : 03-88913097

GARIS PANDUAN PAPAN TANDA KESELAMATAN DI KAWASAN AKTIVITI AIR

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	i
1.0 PENGENALAN	1
1.1 LATAR BELAKANG	1
1.2 TUJUAN	1
2.0 DEFINISI	2
2.1 AKTIVITI DI AIR	2
2.2 BADAN AIR	2
2.3 PAPAN TANDA	2
2.4 RISIKO	2
2.5 PEMILIK/PENGENDALI BADAN AIR	2
3.0 PRINSIP-PRINSIP PENGURUSAN RISIKO	3
3.1 PROSES PEMATUHAN	3
3.2 PIAWAIAN PEMATUHAN	3
4.0 JENIS-JENIS PAPAN TANDA	3
4.1 PAPAN TANDA MAKLUMAN	3
4.2 PAPAN TANDA AMARAN	4
4.3 PAPAN TANDA LARANGAN	4
4.4 PAPAN TANDA KECEMASAN DAN LALUAN MENYELAMATKAN DIRI	4

5.0	PEMASANGAN PAPAN TANDA	4
5.1	FAKTOR PEMASANGAN PAPAN TANDA	4
5.2	SPEKIFIKASI STANDARD PEMASANGAN	5
5.3	BENTUK PAPAN TANDA	5
5.4	PEMASANGAN BENDERA	9
6.0	SPEKIFIKASI DAN SIMBOL PAPAN TANDA DAN BENDERA	9
6.1	SPEKIFIKASI	9
6.1.1	Papan Tanda Makluman	9
6.1.2	Papan Tanda Amaran	10
6.1.3	Papan Tanda Larangan	10
6.1.4	Papan Tanda Alat Keselamatan dan Cara Menyelamatkan Diri	10
6.1.5	Bendera Keselamatan	11
6.2	SIMBOL DAN KEGUNAAN	11
6.2.1	Papan Tanda Makluman	11
6.2.2	Papan Tanda Amaran	12
6.2.3	Papan Tanda Larangan	17
6.2.4	Papan Tanda Alat Keselamatan dan Cara Menyelamatkan Diri	21
6.2.5	Bendera Keselamatan	22
7.0	SPEKIFIKASI SIMBOL PAPAN TANDA DAN BENDERA KESELAMATAN	23
7.1	SPEKIFIKASI BAGI SIMBOL PAPAN TANDA	23
7.1.1	Penggunaan Teks Tambahan	23
8.0	RUJUKAN	24

1.0 PENGENALAN

1.1 Latar belakang

Mesyuarat Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) ditubuhkan sebagai mekanisme bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan keselamatan air dan mengurangkan insiden lemas atau kemalangan yang berlaku di premis, pengangkutan air atau mana-mana badan air. Penubuhan MKAA ekoran daripada peningkatan bilangan kes kematian akibat kelemasan dan kemalangan.

Objektif utama penubuhan MKAA adalah untuk meningkatkan kesedaran dan keselamatan dan usaha untuk mengurangkan kejadian lemas. Selain itu, MKAA juga ditubuhkan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan rakyat mengamalkan budaya selamat ketika menjalankan aktiviti air sama ada sukan ataupun rekreasi.

Pemasangan papan tanda merupakan salah satu cara untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran tentang bahaya dan aktiviti yang tidak boleh dilakukan di sesuatu tempat. Oleh itu, garis panduan bagi pemasangan papan tanda yang standard diperlukan.

1.2 Tujuan

Garis panduan ini disediakan untuk memberikan panduan dan rujukan kepada semua pemilik ataupun pengendali badan air bagi memasang papan tanda keselamatan di badan-badan air di bawah tanggungjawab masing-masing. Keutamaan garis panduan ini adalah untuk kawasan rekreasi.

2.0 DEFINISI

2.1 Aktiviti di Air

Aktiviti sukan, rekreasi atau riadah di badan air, kolam renang, kolam pancing dan taman tema.

2.2 Badan Air

Kawasan yang mengandungi air secara semula jadi atau buatan seperti kolam, tasik, pantai, sungai, air terjun dan empangan.

2.3 Papan Tanda

Maklumat/amaran/larangan yang didirikan dan dipamerkan di kawasan badan air bagi tujuan pemakluman kepada pengunjung.

2.4 Risiko

Kemungkinan bahaya yang boleh mendatangkan mudarat kepada manusia yang disebabkan oleh bahaya tersebut.

2.5 Pemilik/Pengendali Badan Air

Agensi kerajaan, swasta atau individu yang mengawal kawasan badan air tersebut.

3.0 PRINSIP-PRINSIP PENGURUSAN RISIKO

3.1 Proses Pematuhan

Pemilik/pengendali badan air bertanggungjawab untuk memberikan peringatan berhubung dengan risiko yang ada di kawasan badan air tersebut kepada semua pengunjung. Pemakluman berhubung dengan risiko ini diberikan melalui pemasangan papan tanda yang mewajibkan semua pengunjung supaya mematuhi arahan papan tanda sebagai langkah keselamatan dalam menjalankan aktiviti di kawasan badan air tersebut.

3.2 Piawaian Pematuhan

Penyediaan papan tanda yang seragam lebih mudah untuk difahami oleh pengunjung sama ada dari dalam negara, mahupun luar negara. Piawaian yang digalakkan adalah dengan menguna pakai ISO20712 (*Water Safety Signs and Beach Safety*). Pemilik/pengendali badan air digalakkan supaya menyediakan papan tanda ini dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

4.0 JENIS-JENIS PAPAN TANDA

4.1 Papan Tanda Makluman

Papan tanda makluman bertujuan untuk memberikan maklumat kepada pengunjung tentang aktiviti dan peraturan di kawasan badan air tersebut. Antara pemakluman tersebut termasuklah pemakaian jaket keselamatan dan kawasan yang dibenarkan untuk aktiviti berenang.

4.2 Papan Tanda Amaran

Papan tanda amaran bertujuan untuk memberikan amaran kepada pengunjung tentang risiko yang ada di kawasan tersebut agar lebih berhati-hati semasa menjalankan aktiviti, misalnya batu licin, arus deras dan kedalaman paras air.

4.3 Papan Tanda Larangan

Papan tanda larangan bertujuan untuk memaklumkan aktiviti yang dilarang untuk dijalankan di kawasan tersebut, misalnya larangan memancing dan larangan berenang.

4.4 Papan Tanda Kecemasan dan Laluan Menyelamatkan Diri

Papan tanda kecemasan dan laluan menyelamatkan diri semasa bencana/kecemasan berlaku bertujuan untuk memaklumkan di mana peralatan kecemasan ditempatkan, tempat berkumpul dan laluan kecemasan yang perlu diambil.

5.0 PEMASANGAN PAPAN TANDA

Pemasangan papan tanda di kawasan yang bersesuaian adalah sangat penting bagi memastikan maklumat dapat disampaikan kepada pengunjung dengan lebih berkesan. Oleh itu, pemilihan kedudukan papan tanda hendaklah berdasarkan penilaian risiko pengendali badan air.

5.1 Faktor seperti yang berikut harus dipertimbangkan dalam pemasangan papan tanda:

- (i) Lokasi laluan masuk ke kawasan berkenaan mudah dilihat dalam medan penglihatan biasa.

- (ii) Ciri-ciri seni bina, hiasan (decor), struktur-struktur, tumbuhan, warna atau lain-lain tidak menghalang penglihatan, mengelirukan atau mengalihkan perhatian.
- (iii) Tahap dan ciri-ciri pencahayaan yang sesuai di bawah kedua-dua keadaan yang biasa atau *main-failure* ;dan
- (iv) Maklumat yang sesuai, lengkap dan tepat pada papan tanda.

5.2 Spesifikasi Standard Pemasangan

Bagi memudahkan pengguna, pemasangan papan tanda haruslah mengikut prinsip di bawah:

- (i) Papan tanda yang dipasang hendaklah mudah dilihat.; (mengikut paras penglihatan pemerhati).
- (ii) Papan tanda jenis berdiri bebas (*free-standing*) atau papan tanda atas (*overhead*) haruslah dipasang mengikut kesesuaian dan tidak berbahaya; dan
- (iii) Papan tanda hendaklah jelas dan mudah dilihat/dibaca oleh pengunjung.

5.3 Bentuk Papan Tanda


Terdapat dua bentuk papan tanda yang perlu disediakan oleh pemilik/pengendali badan air iaitu:

(i) Papan Tanda Primer

Papan tanda primer berorientasikan keselamatan dan pengurusan keselamatan. Papan tanda ini perlu diletakkan di kawasan yang mudah dilihat oleh pengunjung dan dapat meningkatkan keselamatan serta pengurusan risiko di kawasan badan air tersebut. Contoh kawasan yang bersesuaian ialah di pintu masuk utama laluan pejalan kaki ke kawasan badan air.

Papan tanda ini hendaklah mengandungi empat elemen utama iaitu:

- (i) Pengenalan lokasi dan maklumat kecemasan.
- (ii) Tanda keselamatan (risiko dan bahaya).
- (iii) Maklumat kawalan keselamatan; dan
- (iv) Maklumat kawasan setempat.



Contoh papan tanda primer

(ii) **Papan Tanda Sekunder**

Papan tanda sekunder disediakan bagi memaklumkan secara terperinci atau spesifik berhubung dengan risiko dan bahaya yang ada di kawasan badan air tersebut. Papan tanda ini perlu diletakkan di kawasan berisiko seperti di kawasan paras air dalam dan kawasan tidak dibenarkan berenang.



5.4 Pemasangan Bendera

Kedudukan bendera haruslah membolehkan keadaan berbahaya dikenal pasti dan pengguna boleh mengambil langkah keselamatan yang bersesuaian. Antara faktor yang harus dipertimbangkan termasuklah:

- (i) Sifat dan lokasi keadaan berbahaya dan tanda yang relevan.
- (ii) Zon atau sempadan aktiviti akuatik.
- (iii) Lokasi struktur, pantai atau tumbuhan yang boleh menghalang atau mengalihkan perhatian daripada bendera.
- (iv) Lokasi tiang bendera/panji.
- (v) Maklumat yang sesuai pada bendera, seperti penjelasan maksud bendera dan perkhidmatan penyelamat; dan
- (vi) Elakkan hiasan yang berbentuk bendera/panji menggunakan warna amaran bagi mengelakkan kekeliruan kepada orang awam.

6.0 SPESIFIKASI DAN SIMBOL PAPAN TANDA DAN BENDERA

6.1 Spesifikasi

6.1.1 Papan Tanda Makluman

Berbentuk bulat, latar belakang berwarna biru dan simbol warna putih dengan saiz bulatan h cm.



6.1.2 Papan Tanda Amaran

Berbentuk segi tiga, latar belakang berwarna kuning dan simbol serta lingkungan berwarna hitam dengan saiz h cm.




6.1.3 Papan Tanda Larangan

Berbentuk bulat, latar belakang berwarna putih, simbol berwarna hitam dan lingkungan serta palang berwarna merah dengan saiz h cm.



6.1.4 Papan Tanda Alat Keselamatan dan Cara Menyelamatkan Diri

Berbentuk segi empat sama, latar belakang berwarna hijau dan simbol berwarna putih dengan saiz segi empat h cm.



6.1.5 Bendera Keselamatan

Berbentuk segi empat tepat dengan saiz h cm.








6.2 Simbol dan Kegunaan






6.2.1 Papan Tanda Makluman






	Bahasa Melayu Pakai jaket keselamatan atau alat pengapungan diri.
	Bahasa Inggeris <i>Wear personal flotation devices.</i>
	Fungsi Menandakan alat pengapungan diri (jaket keselamatan) wajib dipakai.
	Bahasa Melayu Pastikan kanak-kanak sentiasa dipantau oleh penjaga semasa berada di kawasan badan air.
	Bahasa Inggeris Keep children under supervision in the aquatic environment.
	Fungsi Memaklumkan bahawa kanak-kanak perlu sentiasa di pantau semasa berada di kawasan badan air.





6.2.2 Papan Tanda Amaran



	<p>Bahasa Melayu Awas: Landasan kapal</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Slipway</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya di laluan masuk / keluar kraf air.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan aktiviti tunda kraf air</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Towed water activity area</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran tentang risiko yang mungkin berlaku akibat aktiviti penundaan kraf tersebut.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan aktiviti papan luncur</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Surf craft area</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran tentang risiko yang mungkin berlaku akibat aktiviti papan luncur.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan air dalam</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Deep water</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran tentang bahaya kawasan air yang dalam.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan air cetek</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Shallow water</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya kawasan air cetek untuk aktiviti menyelam.</p>

	<p>Bahasa Melayu Awat: Objek di dasar air</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Submerged objects</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran objek yang terdapat di dasar air yang boleh mendatangkan risiko kepada penyelam.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awat: Kedalaman berbeza/Tubir</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Sudden drop</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran berhubung dengan kedalaman berbeza.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awat: Tebing tidak berpagar/berhalangan</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Unprotected edges</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran kawasan tebing yang tidak berpagar seperti kawasan tempat letak kereta dan lain-lain.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awat: Tepi tebing tidak stabil/kukuh</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Unstable cliff edge</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya tepi tebing yang tidak stabil/kukuh dan boleh mendatangkan risiko kepada pengunjung.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awat: Tebing tidak stabil</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Unstable cliff</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya tebing yang tidak stabil dan boleh mendatangkan risiko kepada orang di dalam air.</p>

	<p>Bahasa Melayu Awat: Saluran kumbahan</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Sewage effluent outfall</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran kawasan kumbahan yang berbahaya.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awat: Zon tsunami</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Tsunami hazard zone</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran gelombang tsunami yang mungkin berlaku di kawasan tersebut.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awat: Arus deras</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Strong currents</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya arus deras di kawasan tersebut.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awat: Kawasan kapal</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Boating area</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya berada di kawasan kapal yang boleh menyebabkan kemalangan.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awat: Layar Pasir</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Sand yachting</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya berada di kawasan kapal layar yang boleh menyebabkan kemalangan.</p>

	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan air pasang</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Incoming tides</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya terperangkap akibat air pasang di kawasan tersebut.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan pasir jerlus/lumpur dalam</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Quicksand or mud/deep mud or silt</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran kawasan pasir jerlus atau kawasan lumpur dalam.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan aktiviti luncur angin</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Kite surfing</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya di kawasan aktiviti luncur angin.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan paralayar</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Parasailing</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya di kawasan aktiviti paralayar.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan angin kuat</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Strong winds</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya angin kuat.</p>

	<p>Bahasa Melayu Awas: Ombak tinggi/Ombak besar</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: High surf/Large breaking waves</p>
	<p>Fungsi Memberkani amaran bahaya ombak tinggi atau ombak besar.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan pantai dalam</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Deep shelving beach</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran bahaya perbezaan kedalaman kawasan pantai.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Habitat buaya</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Crocodiles</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran terdapat buaya di kawasan tersebut.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan basah dan licin</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Slippery when wet</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran kawasan basah dan licin.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Binatang berbisa</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Poisonous animal</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran terdapat binatang berbisa di kawasan tersebut.</p>

	<p>Bahasa Melayu Awas: Kawasan ubur-ubur</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Jellyfish</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran terdapat ubur-ubur di kawasan tersebut.</p>
	<p>Bahasa Melayu Awas: Pusaran Air</p>
	<p>Bahasa Inggeris Warning: Whirlpool</p>
	<p>Fungsi Memberikan amaran terdapat pusaran air di kawasan tersebut.</p>

6.2.3 Papan Tanda Larangan

	<p>Bahasa Melayu Dilarang berlari</p>
	<p>Bahasa Inggeris No running</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan berlari.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang berenang</p>
	<p>Bahasa Inggeris No swimming</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan berenang.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang snorkel</p>
	<p>Bahasa Inggeris No snorkelling</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan penggunaan peralatan selam permukaan.</p>



	<p>Bahasa Melayu Dilarang selam skuba</p>
	<p>Bahasa Inggeris No scuba diving</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan penggunaan peralatan selam skuba.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang terjun</p>
	<p>Bahasa Inggeris No diving</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan terjun</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang aktiviti perahu layar</p>
	<p>Bahasa Inggeris No sailing</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan melakukan aktiviti perahu layar.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang aktiviti luncur angin</p>
	<p>Bahasa Inggeris No windsurfing</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan melakukan aktiviti luncur angin.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang menggunakan kraf air secara manual</p>
	<p>Bahasa Inggeris No manually powered craft</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan menggunakan kraf air secara manual.</p>

	<p>Bahasa Melayu Dilarang menggunakan menggunakan kraf air berenjin</p>
	<p>Bahasa Inggeris No mechanically powered craft</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan menggunakan kraf air berenjin.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang menggunakan kraf air persendirian</p>
	<p>Bahasa Inggeris No personal water craft</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan menggunakan kraf air milik persendirian.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang menggunakan kraf air yang ditunda</p>
	<p>Bahasa Inggeris No towed water activity</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan menggunakan kraf air yang ditunda.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang menjalankan aktiviti luncur air</p>
	<p>Bahasa Inggeris No surf craft</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan menjalankan aktiviti luncur air.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang memakai kasut/selipar</p>
	<p>Bahasa Inggeris No outdoor footwear</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan memakai kasut/selipar.</p>







	<p>Bahasa Melayu Dilarang terjun ke dalam air</p>
	<p>Bahasa Inggeris No jumping into water</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan terjun ke dalam air.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang tolak-menolak ke dalam air</p>
	<p>Bahasa Inggeris No pushing into water</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan menolak orang ke dalam air.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang menggunakan papan luncur</p>
	<p>Bahasa Inggeris No body boarding</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan menggunakan papan luncur.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang menjalankan aktiviti luncur di kawasan antara bendera merah dan kuning</p>
	<p>Bahasa Inggeris No surfing between the red-and-yellow flags</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan menjalankan aktiviti luncur di kawasan antara bendera merah dan kuning.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang menjalankan aktiviti luncur angin</p>
	<p>Bahasa Inggeris No kite surfing</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan menjalankan aktiviti luncur angin.</p>

	<p>Bahasa Melayu Dilarang menjalankan aktiviti paralayar</p>
	<p>Bahasa Inggeris No parasailing</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan menjalankan aktiviti paralayar.</p>
	<p>Bahasa Melayu Dilarang menjalankan aktiviti layar pasir</p>
	<p>Bahasa Inggeris No sand yachting</p>
	<p>Fungsi Pemakluman larangan aktiviti layar pasir.</p>

6.2.4 Papan Tanda Alat Keselamatan dan Cara Menyelamatkan Diri

	<p>Bahasa Melayu Alat keselamatan awam</p>
	<p>Bahasa Inggeris Public rescue equipment</p>
	<p>Fungsi Pemakluman lokasi bagi peralatan penyelamatan (alat keselamatan awam).</p>
	<p>Bahasa Melayu Kawasan pemindahan Tsunami</p>
	<p>Bahasa Inggeris Tsunami evacuation area</p>
	<p>Fungsi Pemakluman lokasi tempat yang selamat/kawasan yang tinggi apabila berlakunya tsunami.</p>
	<p>Bahasa Melayu Bangunan pemindahan Tsunami</p>
	<p>Bahasa Inggeris Tsunami evacuation building</p>
	<p>Fungsi Pemakluman lokasi bangunan yang selamat bagi pemindahan apabila berlakunya Tsunami.</p>

6.2.5 Bendera Keselamatan

	<p>Bendera Merah Amaran Keadaan Berbahaya</p>
	<p>Fungsi Pemakluman risiko yang sangat tinggi untuk menjalankan aktiviti di kawasan badan air. Orang awam tidak dibenarkan memasuki badan air.</p>
	<p>Bendera Kuning Bendera Amaran Umum</p>
	<p>Fungsi Pemakluman amaran bahaya/risiko yang wujud di kawasan badan air. Pemakluman risiko-<i>risiko</i> yang wujud melalui pemasangan papan tanda.</p>
	<p>Bendera Kuning Merah Petugas keselamatan sedang bertugas</p>
	<p>Fungsi Pemakluman bahawa terdapat petugas keselamatan yang memantau kawasan badan air tersebut.</p>
	<p>Bendera Hitam Putih Zon kraf air</p>
	<p>Fungsi Pemakluman kawasan menjalankan aktiviti kraf air.</p>
	<p>Bendera Merah/Putih Bendera Amaran Kecemasan</p>
	<p>Fungsi Pemakluman amaran keluar dari air apabila berlaku kecemasan. Misalnya, kecemasan disebabkan makhluk laut yang bahaya, tumpahan toksik dan penemuan perkara berbahaya bawah air.</p>
	<p>Kon Jingga (<i>Truncated Orange Cone</i>) Bendera Amaran Angin Kencang</p>
	<p>Fungsi Pemakluman amaran bahaya menggunakan barang rekreasi yang mengembang semasa angin kencang atau keadaan air yang tidak selamat.</p>

7.0 SPESIFIKASI SIMBOL PAPAN TANDA DAN BENDERA

7.1 Spesifikasi bagi simbol papan tanda

7.1.1 Penggunaan Teks Tambahan

Penggunaan teks pada papan tanda dapat membantu orang ramai untuk memahami maksud yang hendak disampaikan. Saiz tulisan minimum bagi huruf besar ialah 15 mm. Huruf pertama bagi setiap perkataan hendaklah menggunakan huruf besar.

CATATAN: Untuk mesej yang pendek, semua huruf boleh digunakan.

Jenis tulisan yang digunakan adalah tulisan *sans serif* dengan ciri-ciri berikut:

- Lebar sebatan sepanjang huruf tetap dalam 10%.
- Lebar sebatan sekurang-kurangnya satu perenam ketinggian huruf.
- Lebar huruf kecil bagi huruf “x” tidak kurang daripada 70% daripada ketinggian huruf; dan
- Tidak padat, diperluas, italik, skrip, garis besar atau berlorek.;
- Huruf-huruf terbentuk secara individu dan tidak disatukan.



Rajah 1: Tanda panduan keselamatan air (ISO 20712-1-WSP014) dengan teks tambahan

ABCDEFGHIJKLMN OPQRSTUVWXYZabcdefghijklmnopqrstu vwxyz
ABCDEFGHIJKLMN OPQRSTUVWXYZabcdefghijklmnopqrstu vwxyz

Rajah 2: Contoh muka taip: Roman (1) dan Bold (2)

8.0 RUJUKAN

ISO20712 – 1 (Water safety signs and beach safety flags – Part 1: Specification for water safety signs used in workplaces and public areas.

ISO20712 – 2 (Water safety signs and beach safety flags – Part 2: Specification for beach safety flags – Colour, shape, meaning and performance.

ISO20712 – 3 (Water safety signs and beach safety flags – Part 3: Guidance for use.

<https://www.lifesavingsupport.com.au/Downloads/National-Aquatic-Recreation-Signage-Manual.pdf>